

# **ISU-ISU TUNTUTAN HARTA PUSAKA: SATU SOROTAN LITERATUR**

Hasliza binti Talib

Nurhayati binti Abdul Ghani

Nur Zulfah bt Md Abdul Salam

Nurul Syafini bt Abd Rahman

Noor Syahida bt Abdul Rahman

Farhana Abd Samad

*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS*

## **ABSTRAK**

*Pembahagian harta pusaka merupakan antara elemen yang penting dalam pembangunan ekonomi. Sekiranya pembahagian ini tidak dijalankan mengikut tatacara yang betul dan prosedur yang ditetapkan, harta tersebut tidak dapat dibahagikan atau diserahkan kepada pihak yang selayaknya dengan sempurna. Kegagalan membuat tuntutan harta pusaka boleh menyebabkan harta tersebut dibekukan. Objektif utama kertas kerja ini adalah untuk meneliti dan mencari kelompongan yang wujud daripada kajian-kajian literatur yang sedia ada berkaitan tuntutan harta pusaka. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan kajian kepustakaan iaitu dengan merujuk kepada pelbagai buku, jurnal, artikel, kertas kerja, e-jurnal, serta bahan-bahan bertulis lain yang berkaitan. Penulis cuba membuat tinjauan dan ulasan yang komprehensif tentang sorotan bahan-bahan tersebut serta mengutip data skunder yang relevan. Kertas kerja ini mendapati bahawa daripada kajian-kajian literatur terdahulu, masih kurangnya kajian yang dibuat menggunakan kaedah kuantitatif yang memfokuskan untuk mendapatkan maklumat langsung dari masyarakat berkaitan isu-isu dan permasalahan yang mereka alami berkaitan tuntutan harta pusaka. Maka, penulisan ini mencadangkan dibuat satu kajian lapangan bagi mengisi kelompongan tersebut dengan memfokuskan isu-isu yang timbul di kalangan ahli masyarakat dalam menyelesaikan tuntutan harta pusaka.*

**Kata Kunci:** *Tuntutan Harta, Harta Pusaka, Literatur*

## **PENDAHULUAN**

Perancangan harta pusaka ialah sebarang usaha dan rancangan persediaan yang perlu dan wajar dilakukan bagi membahagikan dan mengagihkan harta-harta yang dimiliki oleh pemilik harta kepada para waris ataupun bakal penerima harta yang lain apabila pemilik harta meninggal dunia. Perancangan ini dibuat semasa pemilik harta masih hidup (Mohd Fitri, 2007). Perancangan ini penting bukan sahaja kepada institusi kekeluargaan bahkan juga kepada ekonomi negara. Apabila berlaku kematian, ahli waris akan mengurus serta mengendalikan tuntutan harta pusaka seterusnya membahagikannya kepada waris yang layak menerima. Namun, sehingga kini banyak kes yang dilaporkan berkaitan kegagalan membahagikan harta pusaka tersebut yang berpunca daripada beberapa isu atau permasalahan. Statistik 2007 menunjukkan bahawa jumlah harta pusaka yang tidak

dituntut mencecah RM40 bilion (Berita Harian, 2007). Tahun 2009 pula, jumlah harta alih iaitu wang dan simpanan sejumlah RM31 juta masih tersimpan di Amanah Raya Berhad (ARB) (Abdul Rahim, 2009). Tahun 2014, dianggarkan terdapat lebih 1 juta kes pusaka yang bernilai lebih RM52 bilion yang masih belum diselesaikan (Sabirin, 2014) dan pada 2016, jumlah tersebut telah meningkat kepada RM60 bilion (Aziz, 2016; Berita Harian, 2016). Sudah pastinya nilai harta ini akan mengalami peningkatan sejajar dengan peningkatan harga barang dan hartanah serta kadar inflasi yang sentiasa meningkat. Masyarakat juga perlu diberi kesedaran dan kefahaman peri pentingnya ilmu pengurusan harta dan prosedur tuntutan pusaka bagi mengawal situasi ini terus meruncing.

Hakikatnya sangat banyak penulisan dan kajian berkaitan harta pusaka. Sama ada dari aspek konsep harta pusaka, pengurusan harta pusaka, proses tuntutan harta pusaka, masalah-masalah tuntutan harta pusaka, undang-undang pengurusan harta pusaka dan sebagainya. Kajian ini hanya menfokuskan kepada penulisan berkaitan isu-isu tuntutan harta pusaka yang merangkumi permasalahan yang timbul ketika membuat tuntutan serta punca-punca kes-kes tuntutan tertunggak dan mengenalpasti faktor-faktor tiada tuntutan dibuat terhadap harta pusaka walaupun pemilik harta telah lama meninggal dunia.

## KONSEP HARTA PUSAKA

Harta pusaka lebih difahami sebagai sesuatu yang ditinggalkan oleh si mati daripada harta dan segala hak-hak yang menjadi miliknya semasa hidup, dan hak tersebut akan menjadi milik waris selepas kematiannya. Konsep harta pusaka dalam Islam didasari dan diperincikan secara langsung oleh Allah SWT di dalam Al-Quran, tidak seperti ketentuan tentang hukum syariat-syariat yang lain seperti solat, zakat, puasa, dan haji. Secara khususnya, ayat-ayat Al-Quran berkaitan perwarisan ini dibahagikan kepada dua kelompok iaitu ayat-ayat pewarisan utama dan ayat-ayat pewarisan tambahan. Ayat-ayat pewarisan utama menggariskan secara terperinci waris-waris dan bahagian-bahagian yang akan mereka diperolehi dengan dinyatakan dalam enam jenis pecahan iaitu 1/2, 2/3, 1/6, 1/3, 1/4, dan 1/8. Hanya tiga ayat bagi pewarisan utama disebut di dalam Al-Qur'an, iaitu ayat 11, 12, dan 176 Surah An-Nisa'. Sementara itu, ayat-ayat pewarisan tambahan hanya memberikan ketentuan umum yang berkaitan dengan pembahagian faraid, tanpa memberikan perinciannya. Beberapa ayat yang dapat dianggap sebagai ayat-ayat pewarisan tambahan terdapat dalam beberapa surah antaranya ayat 7, 8, 9, 10, 13, 14, 19, 32, 33 dan 127 Surah An-Nisa', ayat 72 dan 75 Surah Al-Anfal, dan ayat 4, 5 dan 40 Surah Al-Ahzab.

Harta pusaka di dalam Islam juga bersumberkan Hadis Nabi SAW yang merupakan sumber kedua selepas Al-Quran. Sesuai dengan kedudukannya, Hadis memberikan dorongan dan motivasi mengenai pelaksanaan pewarisan. Rasulullah SAW bersabda:

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَقْسِمُوا الْمَالَ بَيْنَ أَهْلِ الْفَرَائِضِ عَلَى كِتَابِ اللَّهِ

Ertinya:

"Dari Ibnu Abbas r.a., beliau berkata, "Rasulullah SAW telah bersabda, 'Bahagilah harta pusaka antara ahli-ahli waris menurut (ketentuan) kitab Allah'." (HR. Muslim dan Abu Dawud).

Terdapat tujuh ketentuan pembahagian waris dan bahagian-bahagian mereka yang disebut di dalam Hadis Nabi SAW iaitu i) saudara-saudara perempuan; ii) nenek jika tiada ibu (Hadis riwayat Abu Dawud dan Nasa'i); iii) dua orang nenek (Hadis riwayat Ahmad, Abu Daud dan Ibnu Majah); iv) cucu perempuan dari anak-anak lelaki (Hadis riwayat Bukhari); v) anak tunggal perempuan, anak perempuan dari anak lelaki; vi) asabah (Hadis riwayat Bukhari); dan vii) pembahagian jika tiada ahli waris dan ulul arham (Hadis riwayat Bukhari, Muslim dan Hadis riwayat Ahmad dan Abu Dawud).

Galakan berwasiat juga disebut di dalam Hadis Rasulullah SAW yang mana Baginda bersabda yang bermaksud:

*"Tidak patut bagi seseorang muslim yang ingin berwasiat tidur selama dua malam, selagi ia tidak menulis wasiatnya".(Muttafaqun Alaihi)*

Untuk memahami secara lebih mendalam berkaitan konsep harta pusaka ini, beberapa kitab-kitab *thurath* telah dirujuk. Kitab ini merupakan warisan intelektual atau ilmuan ulama yang diwarisi dalam karya-karya mereka sebagai garis panduan yang boleh diguna pakai sepanjang masa. Di dalam kitab-kitab ini, tiada istilah ‘harta pusaka’ digunakan. Sebaliknya perkataan *mirath* atau faraid yang kerap disebut di dalam perbincangan mereka. Menurut Muhammad Ali al-Sabuni, *mirath* ialah sesuatu yang ditinggalkan oleh si mati daripada harta benda dan hak-hak yang akan diwarisi oleh waris disebabkan kematian pewaris. *Al-Mirath* atau pusaka juga boleh dimaksudkan sebagai pindahnya hak milik orang yang meninggal dunia kepada warisnya yang masih hidup, dan apa yang ditinggalkan itu sama ada harta alih atau harta tak alih atau hak-hak menurut hukum syarak (Muhammad Ali al-Sabuni, 1989). Menurut Taqiyuddin, faraid adalah termasuk di dalam maksud perwarisan atau harta yang ditinggalkan yang mana ia adalah ketetapan yang telah ditetapkan oleh Allah (Taqiyuddin, 1994). Imam Nawawi di dalam kitabnya *al-Majmu' Syarah al-Muhadzdzab* tidak menyebut berkaitan maksud harta pusaka namun memberi penelitian berkenaan waris yang layak menerima perwarisan dan bahagian-bahagian mereka (Nawawi, t.t)

Khatib al-Syarbini (2005) dalam kitabnya *Mughni al-Muhtaj* telah menyatakan bahawa dari aspek pembahagian harta, faraid bermaksud harta perwarisan yang telah ditetapkan kadarnya oleh syarak kepada ahli waris yang layak menerima. Sebelum harta si mati dibahagikan menurut hukum faraid perkara wajib perlu diselesaikan terlebih dahulu ialah zakat yang belum ditunaikan, barang-barang gadaian yang belum ditebus, hutang si mati ke atas harta yang ditinggalkan, menyelesaikan wakaf yang dilakukan semasa hidup, menunaikan nazar yan tidak sempat dilakukan, hibah yang telah sempurna rukunnya tetapi belum dipindah milik, perbelanjaan pengebumian, hutang dan wasiat. Konsep harta pusaka turut difahami sebagai pembahagian perkongsian. Ibnu Hajar (1983) menerangkan tentang pembahagian-pembahagian yang disebut di dalam Al-Quran. Menurut beliau, faraid merupakan pembahagian yang sudah ditentukan kadarnya, tidak ada pertambahan ke atasnya dan tidak ada pengurangan ke atasnya melainkan *rad* atau *aul*.

Berdasarkan beberapa penulisan ulama-ulama seperti di atas, didapati bahawa konsep harta pusaka dalam Islam hanya merangkumi faraid sahaja. Ini dipersetujui oleh ulama-ulama

fiqh kerana perbincangan mengenai wasiat, wakaf dan hibah dibincangkan di dalam bab yang berbeza dengan faraid di dalam kitab penulisan mereka. Tiada terma ‘harta pusaka’ yang digunakan di dalam kitab-kitab tersebut, sebaliknya menggantikan dengan penggunaan terma ‘*mirath* atau faraid’. Konsep harta pusaka yang dibincangkan turut juga meneliti ahli-ahli waris yang berhak mewarisi dan bahagian-bahagian yang layak diterima oleh mereka.

*Pentakrifan Harta Pusaka: Satu Diskusi Semasa* tulisan Jasni Sulong (2008) membincangkan tentang takrifan harta yang boleh dikategorikan sebagai harta pusaka atau pun tidak. Ini memandangkan pada hari ini terdapat pelbagai bentuk pemilikan ke atas harta, yang tidak hanya terbatas kepada harta alih dan tak alih serta wang ringgit sahaja, malah terdapat bentuk-bentuk baru seperti kontrak niaga hadapan, dividen, saham, stok, unit amanah, bon, sukuk dan sebagainya. Maka apa jua terminologi yang digunakan ia tertakluk kepada taraf hak milik ke atas harta tersebut.

Said Ibrahim (2013) dalam penulisannya *Sistem Pembahagian Pusaka Dalam Islam* lebih memfokuskan berkaitan ilmu faraid. Konsep harta pusaka yang dibincangkan merangkumi definisi faraid, rukun-rukun waris, syarat-syarat waris, sebab yang menghalang perwarisan dan perkara-perkara yang berkaitan dengan perwarisan. *Pengurusan dan Pembahagian Harta Pusaka* oleh Wan Abdul Halim (2006) membincangkan tentang asas-asas dan konsep dalam ilmu faraid serta kaedah pengiraan dan pembahagian faraid di kalangan ahli waris secara terperinci. Buku ini juga menjelaskan faktor-faktor dan implikasi dalam kelewatan membahagikan harta pusaka.

Azman (2013) menerangkan konsep perancangan harta pusaka dengan menjelaskan bahawa faraid sebagai asas perancangan harta pusaka serta dibantu dengan instrumen-instrumen lain seperti wakaf, wasiat dan hibah dalam perancangan harta pusaka. Jasni (2011) *Pembaharuan Undang-undang Pentadbiran Pusaka Islam* menghuraikan fiqh pusaka daripada al-Quran dan al-Hadis serta perkembangan perlaksanaannya dalam pentadbiran undang-undang di Malaysia dan beberapa negara Islam yang lain dengan cuba menonjolkan kedinamikan fiqh pusaka yang berfungsi memastikan *maslahah* dan *maqasid syariyyah* kepada waris dan harta sentiasa terpelihara. Kaedah alternatif bagi menguruskan harta pusaka seperti hibah, wasiat, wakaf, siasah, *suh*, *syuf'ah* dan kawalan pendaftaran turut dibincangkan.

*Pengurusan Pusaka Islam, Wasiat dan Hibah di Malaysia- Isu dan Aplikasi* oleh Nasri Naiimi, 2016 mengupas sistem pentadbiran pusaka di Malaysia dengan memperkenalkan cara-cara penentuan jenis-jenis harta yang dikategorikan sebagai harta pusaka dan bukan harta pusaka. Turut dibincangkan instrumen-instrumen lain sebagai pelengkap dalam pengurusan harta iaitu wasiat dan hibah. Hasil kajian Mohd Khairy (2016) *Amalan Pembahagian Faraid Di Malaysia* menyatakan bahawa, si mati yang beragama Islam, terdapat tiga (3) kaedah boleh dilakukan iaitu melalui faraid, muafakat dan *takharuj*. Kajian kuantitatif terhadap responden menunjukkan daripada ketiga-tiga metod tersebut, responden lebih gemar memilih penyelesaian harta pusaka melalui faraid. Nasri Naiimi (ii) (2016) pula cuba menjelaskan pengurusan harta pusaka yang dibuat melalui konsep *takharuj* dan *munasakhah* dengan membawakan contoh-contoh realiti masyarakat di Malaysia.

Daripada penulisan-penulisan kontemporari berkaitan harta pusaka seperti di atas juga didapati bahawa konsep harta pusaka adalah berkisar persoalan faraid dan pembahagian kepada ahli waris. Selain itu perbincangan juga banyak berkisar kepada aplikasi semasa berkaitan tuntutan faraid yang banyak melibatkan aspek pengurusan dan perundungan, bukan hanya lagi dari aspek hukum seperti perbincangan ulama-ulama fiqh terdahulu.

## **PENGURUSAN TUNTUTAN HARTA PUSAKA DI MALAYSIA**

Terdapat banyak kajian dan penulisan berkaitan dengan pengurusan tuntutan harta pusaka di Malaysia. Penulisan-penulisan dalam hal ini menunjukkan bahawa pengurusan tuntutan harta pusaka orang Islam di Malaysia adalah agak rumit (*complicated*) kerana melibatkan bidang kuasa kerajaan persekutuan dan bidangkuasa kerajaan negeri seperti yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan. Undang-undang prosedur berkaitan tuntutan harta pusaka diperuntukkan di bawah Jadual Kesembilan, Senarai 1 Butiran 4(e) yang melibatkan seluruh masyarakat Malaysia, sama ada Islam dan bukan Islam. Manakala bagi pengurusan harta orang, hukum syarak berhubung dengan mewarisi harta, berwasiat dan tidak berwasiat adalah di bawah bidangkuasa negeri dalam Jadual Kesembilan, Senarai 2 butiran 1. (Jasni 2011). Ringkasnya probet dan surat mentadbir pesaka turut diperlukan oleh orang Islam untuk menguatkuaskan pembahagian harta pusaka (Sijil Faraid) yang telah dikeluarkan oleh mahkamah syariah negeri-negeri. (Ridzuan 2008)

Rentetan daripada perkara ini, terdapatnya banyak agensi atau institusi yang terlibat dalam pengurusan harta pusaka orang Islam. Nasri Naiimi(i) (2016) dalam bukunya *Pengurusan Pusaka Islam, Wasiat dan Hibah di Malaysia: Isu dan Aplikasi* cuba merongkai sejarah pentadbiran harta pusaka di Malaysia bermula sebelum merdeka dan dikembangkan informasi sehingga era komputer dan teknologi maklumat. Buku ini menyenaraikan empat agensi khusus yang terlibat dalam proses tuntutan harta pusaka iaitu Amanah Raya Berhad (pusaka ringkas), Seksyen Pembahagian Pusaka (pusaka kecil), Mahkamah Tinggi (pusaka besar) dan Mahkamah Syariah (Wan Abdul Halim 2009). Penulisan lain yang menyenaraikan agensi-agensi yang terlibat dengan pengurusan harta pusaka beserta dengan huraian terperinci berkaitan bidang kuasa dan akta-akta yang terlibat antaranya ialah Jasni (2011), Mohd. Ridzuan (2008), Sulaiman (2008), Mohd Nasran Mohamad et al. (2008). Bidangkuasa agensi ini tertakluk kepada nilai harta pusaka dan jenis-jenis harta pusaka yang terlibat sama ada harta alih atau harta tak alih. Ini menyebabkan isu pengumpulan, identifikasi dan valuasi (proses penilaian) keseluruhan harta pusaka si mati menjadi syarat terdahulu yang perlu diselesaikan bagi menentukan agensi yang berbidangkuasa.

Selain daripada itu, terdapat banyak undang-undang persekutuan dan undang-undang negeri yang terpakai dalam tuntutan harta pusaka orang Islam ini. Mohd Zamro et al. (2008) dalam *Pengantar Undang-undang dan Pentadbiran Pusaka, Wasiat dan Wakaf Orang Islam di Malaysia* memperkenalkan undang-undang yang berkait rapat dengan harta pusaka orang Islam seperti undang-undang pusaka Islam (faraid) dan undang-undang penama. Selain itu diperkenalkan juga dengan undang-undang bersifat tadbiran seperti Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955, Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, akta Probet dan Pentadbiran 1959, Customary Tenure Enactment dan sebagainya. Mohd. Naser Disa (2009) dalam kertas kerjanya bertajuk *Penyelarasan Undang-undang Pewarisan: Isu dan Penyelesaiannya* telah cuba mengupas pelbagai isu-

isu perundangan berkenaan hal ini dan mencadangkan undang-undang pewarisan khusus diwujudkan di negeri-negeri.

Penulisan Md Yazid et al. (2016) menjelaskan bahawa dengan statut-statut seperti yang disenaraikan oleh Mohd Zamro di atas telah menunjukkan bahawa kedudukan Mahkamah Syariah hanya terbatas dalam ruang lingkup undang-undang diri dan keluarga yang dikenakan ke atas orang-orang Islam sahaja dan di bawah negeri. Mohd. Al-Adib Samuri (2016) pula membangkit isu berkaitan konflik bidang kuasa antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah apabila ada kes yang berkaitan dengan pusaka orang Islam diputuskan oleh Mahkamah Sivil. Mohd. Ridzuan (2008) turut membincangkan bidangkuasa Mahkamah Syariah dan mencadangkan enam perkara bagi memperkasakan peranan dan fungsi Mahkamah Syariah dalam pengurusan pusaka.

Selain daripada isu bidangkuasa, agensi dan undang-undang, kerumitan prosedur pengurusan harta pusaka orang Islam di Malaysia turut boleh dilihat daripada kategori atau jenis harta mengikut hukum syarak. Walaupun istilah harta pusaka orang Islam merujuk kepada faraid atau pembahagian harta peninggalan si mati kepada warisnya yang berhak mengikut syarak dengan kadar yang tertentu, seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, pembahagian harta pusaka ini hanya boleh dibuat setelah urusan harta-harta amanah si mati diselesaikan seperti wasiat, hibah, wakaf, amanah khairat, zakat dan baitul mal. Turut boleh dimasukkan di sini ialah kos pengurusan jenazah, hutang-hutang si mati, tanggungannya di bawah undang-undang dan sebagainya. Perkara ini dikupas oleh Nasri Naiimi (2016) di mana beliau menyimpulkan bahawa kehartaan orang Islam boleh dikategorikan kepada dua, iaitu harta keagamaan seperti yang tersebut di atas, dan harta kekeluargaan yang berbangkit daripada pertunangan, perkahwinan dan pembubaran perkahwinan termasuklah nafkah, muta'ah dan harta sepencarian. Setelah selesai kesemua tuntutan yang tersebut, bakinya kemudiannya perlu dibahagikan mengikut faraid-tuntutan harta pusaka yang menjadi fokus penulisan ini.

## **ISU-ISU TUNTUTAN HARTA PUSAKA**

Wan Abdul Halim (2009) dalam kajiannya, *Isu-isu Pembahagian Harta Pusaka Orang Islam Dalam Konteks Perundangan Malaysia* telah mengenalpasti beberapa isu yang timbul dalam melaksanakan tuntutan dan pembahagian harta pusaka dengan menfokuskan kepada isu-isu berkaitan perundangan negara. Beliau mendapati penyelesaian harta pusaka orang Islam menjadi sukar kerana terpaksa berurus dengan lebih daripada satu agensi. Apabila berlaku kematian, ada kalangan waris menjadi keliru di mana harta pusaka boleh diselesaikan sama ada di Mahkamah Tinggi, Pejabat Pusaka Kecil, Amanah Raya berhad atau Mahkamah Syariah. Penulisan ini juga mengengahkan isu berkaitan ketidaan satu statut khusus berkaitan pusaka orang Islam di Malaysia sedangkan undang-undang utama yang dijadikan panduan untuk membahagikan harta pusaka orang Islam adalah hukum faraid. Pegawai pembahagian pusaka hanya merujuk kepada kitab-kitab faraid di samping menghadiri kursus asas dan pembelajaran tidak formal. Manakala hakim-hakim Mahkamah Syariah pula mengeluarkan sijil faraid menghadapi situasi perbezaan pendapat di kalangan mazhab dalam beberapa isu perwarisan seperti perwarisan mengikut *rad*, pewarisan oleh waris *dhawi al-arham*, kaedah pembahagian *muqasamah* dan sebagainya. Perkara ini turut berlaku dalam hal penentuan kadar pembahagian harta pusaka yang menggunakan *software* perisian komputer E-Faraid dan E-Syariah. Tulisan Mohd. Ridzuan

2008 sepantas lalu membincangkan penggunaan E-Faraid; sistem yang mula-mula diperkenalkan oleh Universiti Sains Malaysia dan digunakan oleh Bahagian Pusaka Kecil Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan E-Syariah; sistem yang diperkenalkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan digunakan oleh Mahkamah-mahkamah Syariah di Malaysia di mana terdapatnya percanggahan dalam kes-kes tertentu terutama kes-kes pengecualian. Ini berbalik kepada pegangan pendapat mazhab yang berbeza, dalam isu samaada saudara perempuan seibu seapa atau seapa akan terdinding oleh datuk mereka. Di akhir tulisan ini, Mohd. Ridzuan 2008 mencadangkan agar penggunaan kedua system ini disemak semula supaya tidak ada unsur percanggahan antara keduanya, dan penyediaan Sijil Faraid melalui kedua sistem ini oleh agensi pengurusan pusaka hendaklah disahkan oleh Mahkamah Syariah.

Di sini kita melihat adanya keperluan untuk mengadakan satu undang-undang substantif berkenaan perwarisan. (Mohd. Naser, 2009) Tanpa undang-undang yang khusus tentang hukum faraid akan menimbulkan kekeliruan di kalangan umat Islam dalam menentukan ahli waris yang berhak mewarisi harta. Hal yang sama juga berlaku dalam kes hibah yang dilakukan tanpa disertai dengan pindah milik atau pertukaran nama dalam hak milik, apabila berlaku kematian begitu juga dengan kes tuntutan harta sepencarian. Tiada undang-undang khusus dapat dijadikan panduan dalam masalah ini.

Wan Abdul Halim juga mengenangkan isu berkaitan ‘perintah anggapan kematian’ yang perlu dimohon dua kali daripada institusi yang berbeza iaitu Mahkamah Syariah dan Mahkamah Tinggi, sedangkan permohonan yang sama. Anggapan kematian di Mahkamah Syariah adalah diperlukan bagi isteri orang yang hilang untuk membolehkan dia berkahwin lagi. Manakala anggapan kematian oleh isteri atau waris kepada Mahkamah Tinggi adalah untuk pembahagian harta pusaka. Ketiadaan satu peruntukan undang-undang yang merangkumi kedua-dua aspek perkahwinan dan pusaka. Isu sekatan pemilikan tanah oleh undang-undang juga menjadi topik perbahasan dalam penulisan ini terutama bagi kes tanah-tanah rancangan FELDA, FELCRA dan Rancangan Tanah Pinggir. Seterusnya kajian ini mencadangkan i) bidang kuasa empat agensi disatukan dan pengurusan harta pusaka diletakkan di bawah satu bumbung; ii) mewujudkan Akta Faraid, Akta Hibah, Akta Wasiat oleh setiap negeri bagi keseragaman dalam tindakan; iii) mewujudkan peraturan khusus untuk harta sepencarian; iv) memperakui anggapan kematian di Mahkamah Syariah untuk urusan tuntutan harta; dan v) mengkaji semula Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) Tahun 1960.

Ibrahim Lembut (2007) dalam kertas kerjanya *Kaedah dan Keseragaman Pembahagian Harta Sepencarian dalam Harta Pusaka* juga turut membincangkan dengan terperinci berkaitan permasalahan yang timbul bagi kes tuntutan harta sepencarian dalam harta pusaka iaitu masih tiada kaedah dan peraturan yang digubal untuk menyelaraskan tuntutan harta sepencarian dalam harta pusaka dan mencadangkan agar ia diperkenalkan bagi memudahkan proses tuntutan.

Abdul Hamid Mohamad (2016) menegaskan dalam pembentangannya *Pengurusan Harta Orang Islam: Konflik Bidangkuasa Mahkamah Dan Kesannya ke Atas Ekonomi Ummah* bahawa dia tidak mendapati sebarang konflik bidang kuasa Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Syariah. Jelasnya, Isu-isu syariah ialah penentuan pusaka, waris dan bahagian

masing-masing yang perlu dilakukan oleh Mahkamah syariah. Manakala perkara-perkara berkaitan suratkuasa mentadbir adalah bukan isu syariah maka dalam bidang kuasa Mahkamah Sivil.

Wan Noraini et al. (2015) dalam *Delay in Administration of Estates: Causes and Implications* dalam membincangkan tentang punca-punca yang membawa kepada kelewatan dalam pengagihan harta pusaka serta implikasinya. Kajian ini merupakan sebuah kajian perpustakaan yang memperoleh data melalui jurnal-jurnal, kertas-kerja persidangan, buku-buku, statut dan akta serta kes-kes yang dibawa ke mahkamah. Beliau menggariskan dua faktor utama yang menyumbang kepada permasalahan ini iaitu i) proses untuk mendapatkan surat kuasa tadbir yang melibatkan banyak pihak dengan dengan prosedur yang berbeza; dan ii) ahli waris yang kurang mahir dalam pentadbiran harta pusaka di samping mempunyai fikiran negatif, bagi sesiapa yang mempersempit pembahagian harta pusaka seolah-olah tidak menghormati si mati dan bersikap tamak. Selain itu terdapat juga di kalangan ahli waris yang tidak mahu bekerjasama dalam mempersempit proses tuntutan. Kajian ini merumuskan bahawa perlunya usaha yang bersepada bagi mendidik masyarakat berkaitan ilmu-ilmu perundungan dalam tuntutan harta serta peri pentingnya untuk mengubah sikap dan tingkah laku dalam menangani permasalahan ini.

Kajian yang sama juga telah ditulis oleh Rusnadewi et al. (2010) dalam *Masalah Kegagalan dan Kelewatan Pengagihan Harta Pusaka di Malaysia*. Data-data adalah dikumpul melalui penulisan-penulisan terdahulu seperti jurnal-jurnal, kertas-kerja persidangan, buku-buku, statut dan akta serta kes-kes yang berlaku di mahkamah. Dapatkan kajian ini turut menggariskan tiga faktor utama yang menyebabkan kegagalan dan kelewatan dalam pengagihan harta pusaka iaitu i) sikap dan kejahilan waris; ii) masyarakat kurang kefahaman terhadap konsep sebenar pewarisan harta secara *faraaid*; serta iii) kewujudan pelbagai bidang kuasa dalam pentadbiran harta pusaka di Malaysia yang boleh mengelirukan masyarakat.

Mohd Fitri et al. (2016), dalam *Kelewatan Dalam Pembahagian Harta Pusaka*, cuba menyelongkar permasalahan kelewatan dalam pembahagian harta pusaka melalui temubual dengan para pentadbir dan pengedaran borang soal-selidik kepada 100 responden yang terlibat dengan tuntutan harta pusaka. Empat objektif utama kajian ini ialah i) mengenalpasti sebab-sebab harta pusaka tidak dituntut atau lewat dituntut; ii) mengenal pasti sikap dan pandangan waris-waris terhadap pentadbiran harta pusaka, iii) menilai sistem pentadbiran harta pusaka; dan iv) serta memberi cadangan ke arah penambakan sistem pentadbiran harta pusaka di Malaysia.

Melalui soal selidik yang dijalankan kepada responden yang terlibat dengan tuntutan harta pusaka, sebab yang mempunyai skor tertinggi kenapa berlaku kelewatan dalam tuntutan harta pusaka adalah kerana ahli waris mendapati si mati tidak mempunyai harta yang banyak dan tidak berbaloi untuk menghabiskan masa dan wang bagi menguruskan pembahagian harta, sedangkan waris yang ditinggalkan adalah ramai. Sebab yang mempunyai skor kedua tertinggi adalah kerana tiada kerjasama dari pihak waris. Waris memberi alasan sibuk bekerja serta tidak ada kesempatan untuk menghubungi waris-waris yang lain untuk mendapatkan kerjasama. Apabila persoalan ini diajukan kepada pegawai

yang menguruskan tuntutan pusaka di Bahagian Pengurusan Pusaka, mereka melihat isu ini timbul kerana ahli waris tidak menganggap urusan pembahagian pusaka adalah penting. Dengan kata lain, tiada sebab yang mendesak bagi ahli waris untuk menguruskan pusaka. Sebab yang ketiga juga adalah rentetan dari sebab yang kedua, apabila mereka merasakan urusan pembahagian harta adalah kurang penting, maka tiada kerjasama dari ahli waris bagi mengemukakan dokumen-dokumen yang diperlukan seperti kad pengenalan, geran tanah, buku akaun simpanan, sijil kematian dan sebagainya yang disimpan oleh ahli waris yang lain.

Menariknya kajian ini ialah, hasil dapatan kajian berdasarkan temubual bersama pagawai yang terlibat dalam menguruskan tuntutan harta pusaka adalah berbeza. Mereka menyatakan pertelingkahan sesama waris masih merupakan di antara isu utama waris lewat mengemukakan tuntutan harta pusaka. Menurut mereka, terdapat waris-waris yang bersikap ingin membolot kesemua harta si mati dan sikap ini mendapat penentangan dari waris-waris lain. Sementara itu terdapat juga kes di mana pertelingkahan bukan disebabkan perebutan harta pusaka tetapi disebabkan masalah-masalah lain antaranya hubungan yang renggang antara sesama waris; tiada kerjasama; dan tidak meletakkan pengurusan harta pusaka adalah penting.

Kajian ini juga mendapati 68% responden mempunyai ilmu pengetahuan tentang institusi yang menguruskan harta pusaka. Mereka bukan sekadar mengetahui kewujudan institusi-institusi ini tetapi selanjutnya mengetahui tentang bidang kuasa yang dimiliki oleh jabatan berkenaan seperti dari segi nilai harta dan pusaka berwasiat dan tidak berwasiat. Sebanyak 69% respondan bersetuju tentang keperluan mewujudkan hanya satu sahaja institusi yang mengendalikan urusan pembahagian pusaka. (Mohd. Fitri, 2016).

## **KESIMPULAN**

Pengurusan harta pusaka orang Islam di Malaysia adalah satu proses yang kompleks dan rumit kerana pelbagai faktor seperti yang telah dibincangkan di atas. Terdapat banyak kajian-kajian literatur terdahulu yang mencadangkan langkah-langkah penyelesaian. Namun begitu, melihat kepadakekangan bidang kuasa, institusi dan undang-undang yang ada, penyelesaian kepada isu-isu tersebut perlu kepada satu gerak kerja yang bersepada dan tersusun daripada semua pihak yang terlibat. Mohd. Ridzuan 2008 mencadangkan agar kuasa pentadbiran pusaka dan wasiat orang-orang Islam dikembalikan sepenuhnya kepada Mahkamah Syariah seperti sebelum kemerdekaan. Namun untuk merealisasikan cadangan ini perlu merombak hampir keseluruhan kerangka perundangan sedia ada. Terdapat cadangan lain untuk mewujudkan satu sahaja institusi pengurusan harta pusaka orang Islam, atau sekurang-kurangnya pusat sehenti (*one stop centre*) bagi memudahkan

masyarakat umum. Di samping itu, cadangan mengadakan undang-undang pewarisan yang khusus di negeri-negeri juga adalah wajar dipertimbangkan.

Secara teoretikal, kertas kerja ini telah meneliti dan memahami kajian-kajian yang telah dibuat sebelum ini berkaitan harta pusaka secara umumnya di Malaysia. Kesemua kajian-kajian yang dibincangkan di atas dilihat tidak menyentuh secara khusus berkenaan dengan isu-isu dalam tuntutan pembahagian harta pusaka yang dialami oleh masyarakat. Melihat kepada betapa kompleksnya isu pengurusan harta ini dari segi teori, adalah dicadangkan lebih banyak kajian kuantitatif dibuat untuk mengenalpasti isu utama yang sebenarnya menjadi masalah dalam kalangan masyarakat awam yang membuat tuntutan.

Selain itu, masyarakat perlu diperkasakan dalam ilmu pengurusan harta pusaka, sebelum dan selepas kematian. Proses tuntutan harta pusaka sangat berkait rapat dengan perancangan harta pusaka semasa hidup. Masyarakat perlu sedar bahawa perlunya perancangan harta pusaka yang baik sebelum meninggal dunia. Ini akan memudahkan ahli waris dalam membuat tuntutan. Ia juga boleh menghindari harta dari jatuh ke tangan orang yang tidak bertanggungjawab dan memastikan waris tidak bertelagah antara satu sama lain sekaligus dapat mengatasi masalah perwarisan dan isu-isu berbangkit. Proses memberikan kefahaman dan kesedaran kepada masyarakat ini perlu kepada usaha yang berterusan memandangkan tuntutan harta pusaka ini akan sentiasa dihadapi daripada generasi ke generasi seterusnya.

## **RUJUKAN**

- Abdul Hamid Mohamad. (2016). *Pengurusan Harta Orang Islam: Konflik Bidangkuasa Mahkamah Dan Kesannya Ke Atas Ekonomi Ummah*. Dibentang dalam Seminar Faraid Dan Perancangan Pewarisan: Isu Harta Beku Dan Penyelesaiannya Di Malaysia (IKIM) 29 dan 30 Mac 2016.
- Azman Ismail. (2013). *Islamic Inheritance Planning 101*. Kuala Lumpur: IBFIM, Edisi Pertama.
- Jasni Sulong. (2011). Pembaharuan Undang-udang Pentadbiran Pusaka Islam. Pulau Pinang: USM
- Jasni Sulong. (2008). Pentakrifan Harta Pusaka: Satu Diskusi Semasa. Dlm. Mohd Zamro Muda, Siti Zalikhah Md Nor, Zuliza Mohd, Kusrin dan Mohammad Zaini Yahaya. *Prosiding Konvensyen Pengurusan Harta Pusaka, Wasiat dan Wakaf*. 18 – 19 Oktober 2008, Kuala Terengganu.
- Md Yazid bin Ahmad, Ibnor Azli Ibrahim. (2016). Kekangan Statut Ke Atas Bidang Kuasa Mahkamah Syariah dalam Pentadbiran Harta Orang Islam di Malaysia. Dlm. Mohd Zamro Muda, Noor Lizza Mohd Said, Muhammad Adib Samsudin, Che Maryam Ahmad dan Ibnor Azli Ibrahim (pnyt.), *Isu-isu Harta Orang Islam di Malaysia*. Bangi: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Mohd Fitri Abdul Rahman, Kamarudin Ngah, Jamaludin Mustaffa, Rozita Abdul Mutualib, Mohd Hilmi Hamzah. (2016). Kelewatan Dalam Pembahagian Harta Pusaka. Dlm. Journal Of Global Business And Social Entrepreneurship (GBSA) Vol. 2: No. 3 (2016).
- Mohd Khairy Kamarudin et all. (2016). *Amalan Pembahagian Faraid Di Malaysia*. Dlm. Journal Of Global Business And Social Entrepreneurship (GBSA) Vol. 2: No. 3 (2016).

- Mohd. Naser bin Disa (2009) *Penyelarasan Undang-undang Pewarisan: Isu dan Penyelesaiannya* dalam Jurnal Pengurusan JAWHAR vol.3, No.1, 2009
- Mohd Nasran Mohamad, Ahmad Dahlan Salleh (2008). *Kedudukan Harta Pusaka Orang Murtad Menurut Perspektif Islam*, Dlm. Mohd Zamro Muda, Siti Zalikhah Md Nor, Zuliza Mohd, Kusrin dan Mohammad Zaini Yahaya. *Prosiding Konvensyen Pengurusan Harta Pusaka, Wasiat dan Wakaf*. 18 – 19 Oktober 2008, Kuala Terengganu.
- Mohd Zamro Muda, Mohd. Ridzuan Awang, Abdul Basir Mohamad dan Md.Yazid Ahmad. (2008). *Pengantar Undang-undang dan Pentadbiran Puaka, Wasiat dan Wakaf Orang Islam di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Cetakan Pertama.
- Mohd. Al-Adib Samuri. (2016). Bidang Kuasa Membicarakan Kes Berkaitan Wakaf dan Harta Pusaka di Mahkamah Sivil: Analisis Kes Selepas Pindaan Perkara 121(1A), Perlembagaan Persekutuan. Dlm. Mohd Zamro Muda, Noor Lizza Mohd Said, Muhammad Adib Samsudin, Che Maryam Ahmad dan Ibnor Azli Ibrahim (pnyt.), *Isu-isu Harta Orang Islam di Malaysia*. Bangi: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Mohd. Ridzuan Awang. (2008). Pengurusan Pusaka dan Wasiat Orang Islam di Malaysia. Dlm. Mohd Zamro Muda, Siti Zalikhah Md Nor, Zuliza Mohd, Kusrin dan Mohammad Zaini Yahaya. *Prosiding Konvensyen Pengurusan Harta Pusaka, Wasiat dan Wakaf*. 18 – 19 Oktober 2008, Kuala Terengganu.
- Nasri Naiimi(i). (2016). *Pengurusan Pusaka Islam, Wasiat dan Hibah di Malaysia: Isu dan Aplikasi*. Sintok: UUM Press.
- Nasri Naiimi(ii). (2016). *Pengurusan Pusaka Islam di Malaysia: Teori dan Pengiraan*. Sintok: UUM Press.
- Rusnadewi Abdul Rashid, Noor Inayah Yaakub. (2010). Masalah Kegagalan dan Kelewatan Pengagihan Harta Pusaka di Malaysia. Dlm. *Jurnal Intelek Vol. 5 No.2*
- Said Ibrahim. (2013). *Sistem Pembahagian Pusaka Dalam Islam*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Cetakan Keempat.
- Sulaiman bin Kadimi. (2008). Prosedur Pembahagian Harta Pusaka Kecil di Malaysia. Dlm. Mohd Zamro Muda, Siti Zalikhah Md Nor, Zuliza Mohd, Kusrin dan Mohammad Zaini Yahaya. *Prosiding Konvensyen Pengurusan Harta Pusaka, Wasiat dan Wakaf*. 18 – 19 Oktober 2008, Kuala Terengganu.
- Wan Abdul Halim b. Wan Harun. (2009). Isu-isu Pembahagian Harta Pusaka Orang Islam dalam Konteks Perundangan Malaysia. Dlm. Jurnal Pengurusan Jawhar, Vol. 3, No.1, 2009
- Wan Abdul Halim Wan Harun. (2006). *Pengurusan dan Pembahagian Harta Pusaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Noraini Mohd Salima, Muhammad Amrullah bin Drs Nasrul. (2015). Delay in Administration of Estates: Causes and Implications. Dlm e-Proceedings of the 4<sup>th</sup> International Conference on Law and Society 2015 (ICLAS IV), Universiti Sultan Zainal Abidin, 10 – 11 May 2015.